

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes keganasan rumahtangga daripada Januari hingga Oktober di setiap negeri pada tahun 2020.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2020, sebanyak 4,218 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Berdasarkan statistik yang dinyatakan tersebut, sebanyak 750 kes dilaporkan di Selangor, 482 kes di Sarawak, 425 kes di Johor, 405 kes di Kedah, 308 kes di Kelantan, 300 kes di Perak, 277 kes di Kuala Lumpur, 240 kes di Terengganu, 212 kes di Negeri Sembilan, 213 kes di Melaka, 206 kes di Sabah, 194 kes di Pulau Pinang, 150 kes di Pahang dan 56 kes dilaporkan di Perlis.